

19/06/1999

SHIT: Ulasan PM beri kesedaran

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kalangan pemimpin Umno menyifatkan ulasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai novel SHIT, tulisan Prof Datuk Shahnnon Ahmad, dalam ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno, semalam, sebagai wajar bagi memastikan perwakilan memahami budaya sebenar penduduk negara ini.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata tindakan Shahnnon menggunakan perkataan mencarut serta memaki hamun dalam novelnya, tidak melambangkan langsung budaya Timur.

"Shahnnon terikut-ikut dengan cara penulis Barat. Sepatutnya sebagai orang Timur, kita perlu kekalkan adat dan kesopanan dan bukannya memaki hamun sesuka hati.

"Mungkin kerana itu juga yang menyebabkan Perdana Menteri meluahkan perasaan dan isi hatinya mengenai novel terbabit," katanya.

Wan Mokhtar juga kesal kerana Pas sebagai sebuah parti Islam, mempertahankan dan menyokong Shahnnon.

Ketua Umno bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, pula berkata Perdana Menteri menggunakan peluang yang terbaik untuk memberi penerangan lebih menyeluruh kepada semua perwakilan agar lebih memahami isi hatinya.

"Saya merasakan tindakan Shahnnon itu melampau kerana menggunakan perkataan mencarut terhadap seorang pemimpin negara terutama yang menyentuh mengenai dirinya (Dr Mahathir) dan ibunya.

"Oleh itu, beliau terpaksa meluahkan perasaannya kepada perwakilan agar mereka faham mengenai keadaan dan perasaannya berikutan tindakan Shahnnon itu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata Dr Mahathir sudah memikirkan sedalam-dalamnya mengenai apa yang ingin diperkatakan.

"Tindakan Dr Mahathir itu menunjukkan beliau ingin meluahkan isi hatinya yang tidak senang dengan tulisan Shahnnon," katanya.

Ketua Umno bahagian Jelebu, Yunus Rahmad, berkata SHIT dikeluarkan kerana ada orang sakit hati terhadap kepemimpinan Dr Mahathir, sedangkan Perdana Menteri tidak pernah menyakiti orang lain.

Menurutnya, Shahnnon adalah penulis tidak bermoral kerana menyakiti hati sesama umat Islam.

Ketua Wanita Umno bahagian Teluk Intan, Siti Zainon Abdul Mansor, juga kecewa kerana Shahnnon tergamak membuat cacian sebegitu buruk terhadap Perdana Menteri.

"Perdana Menteri selama ini menjadi sanjungan rakyat, tiba-tiba orang Melayu sendiri yang mencacinya dan saya sungguh sedih," katanya.

(END)